

26 JUN 2003

Samy Vellu-Gerbang (Bergambar)

PEMBINAAN KOMPLEKS CIQ BARU GERBANG SELATAN BERSEPADU LANCAR

JOHOR BAHRU, 26 Jun (Bernama) -- Pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baru di sini, Gerbang Selatan Bersepadu, yang bermula 1 Jan tahun ini kini berjalan lancar, bahkan sudah 0.4 peratus mendahului jadual kerja yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata mengikut jadual kerja yang ditetapkan oleh JKR, sepatutnya projek itu setakat hari ini mencapai tahap kemajuan 7.6 peratus tetapi pelaksanaan sebenarnya sudah mencapai tahap 8 peratus.

"Saya jangkakan projek ini mungkin boleh disiapkan beberapa bulan lebih awal daripada tarikh jangkakan pada 31 Dis 2004... saya berpuas hati," katanya pada sidang media selepas melawat dan meninjau kerja di tapak pembinaan projek bernilai RM2 bilion itu di Bukit Cagar di sini, hari ini.

Kompleks CIQ baru Gerbang Selatan Bersepadu itu bakal memberi wajah baru kepada pintu masuk utama ke negara ini melalui selatan tanah air, bagi menggantikan Kompleks CIQ yang ada di Tambak Johor, yang bersambung ke Singapura, yang kini sentiasa sesak.

Katanya selain Kompleks CIQ baru itu, Gerbang Selatan Bersepadu juga merangkumi komponen-komponen jambatan jalan raya, jambatan keretapi, persimpangan bertingkat dan jalan dalaman.

"Persimpangan bertingkat yang akan dibina di sini akan menjadi lebih canggih daripada mana-mana satu persimpangan bertingkat yang telah dibina setakat ini oleh JKR," katanya.

Menteri Kerja Raya itu mengakui bahawa beliau tertarik dengan reka bentuk persimpangan bertingkat itu yang menurutnya, didapati paling sesuai untuk satu kompleks besar seperti itu.

Samy Vellu berkata kerja-kerja yang dilaksanakan sekarang termasuk persiapan tapak yang sudah selesai, kerja tanah, kerja cerucuk, kerja merobohkan bangunan lama, memindahkan paip air besar dan pembinaan tiang jambatan sedang berjalan.

"Setakat ini kita tidak menghadapi apa-apa masalah kerana semua masalah telah diselesaikan sebelum projek ini dimulakan manakala peraturan-peraturan JKR semuanya dipatuhi," katanya.

Sebelum itu, beliau meninjau tapak projek dengan diiringi oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam Johor Adam Hamid, Pengarah Urusan Gerbang Perdana Sdn Bhd Datuk Yahya A.Jalil dan Ketua Pengarah JKR Datuk Zaini Omar.

Februari lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan upacara pecah tanah projek itu yang dimajukan oleh Gerbang Perdana Sdn Bhd.

-- BERNAMA

MNY ROS